

3756/2  
Prinsip  
Perakaunan  
Kertas 2  
Mei  
2009  
2  $\frac{1}{2}$  jam



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN (OTI 1)  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI  
SEHINGGA DIBERITAHU

1. Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A dan **satu** soalan dalam Bahagian B
2. Bersama dengan kertas soalan ini, tiap-tiap calon diberi alat tulis perakaunan berikut:

Buku Tunai	2 helai
Jurnal	2 helai
Lejar	5 helai
3. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
4. Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.
5. Mulakan tiap-tiap jawapan pada halaman yang baru.

*Disediakan oleh:*  
AKRAM NEGERI TERENGGANU

*Dibiayai oleh:*  
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

*Dicetak oleh:*  
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

**Bahagian A****[68 markah]***Jawab semua soalan*

- 1 Pada 1 September 2008, Encik Faiz memulakan perniagaan Faiz Enterprise di bandar Kuala Terengganu yang mengedar makanan . Beliau membawa masuk modal RM20 000 yang terdiri daripada wang tunai di bank RM19 500 dan tunai di tangan RM500.

**Lampiran A** menunjukkan dokumen perniagaan Faiz Enterprise berdasarkan urus niaga sepanjang bulan September 2008.

**Anda dikehendaki:**

- (a) menyediakan catatan dalam buku-buku catatan pertama yang sesuai termasuk Buku Tunai (Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak perlu ditunjukkan). **[12 markah]**
- (b) memindahkan catatan daripada buku-buku catatan pertama ke lejar. **[10½ markah]**
- (c) mengimbangkan akaun-akaun dan menyediakan Imbangan Duga pada 30 September 2008. **[5½ markah]**

- 2 Puan Anna ialah pemilik N Telekomunikasi menjalankan perniagaan di bandaraya Kuala Terengganu sebagai pembekal telefon bimbit. Baki-baki berikut diambil daripada buku-buku perniagaannya pada 31 Mac 2009:

	Debit RM	Kredit RM
Stok pada 1 April 2008	16 730	
Peruntukan hutang ragu Bank	10 129	250
Kadar bayaran	2 440	
Pinjaman bank (1 April 2008)		8 000
Penghutang dan Pemiutang Pulangan	8 450	4 862 522
Insurans	600	
Premis (kos)	48 000	
Ambilan	830	
Gaji	6 650	
Modal pada 1 April 2008		66 070
Hutang lapuk terpulih		465
Perabot	6 100	
Belian dan Jualan	52 720	73 500
Tunai	1 020	
	153 699	153 699

**Maklumat tambahan:**

- (i) Stok pada 31 Mac 2009 bernilai RM17 438.
- (ii) Insurans dibayar untuk tempoh setahun berakhir 31 Mei 2009.
- (iii) Pinjaman bank dikenakan faedah 5% setahun.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% atas penghutang.
- (v) Pemilik mengambil barang niaga RM740 untuk tujuan promosi tetapi tidak dicatat dalam mana-mana buku.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2009. **[11 markah]**
- (b) Kunci Kira-kira pada 31 Mac 2009 dengan menunjukkan modal kerja (dalam bentuk penyata). **[7 markah]**

- 3 Encik Ramlan, Encik Danish dan Encik Ramesh ialah pekongsi dalam perkongsian DRR Sepakat. Mereka berkongsi untung atau rugi dengan nisbah 2:1:1. Pada 1 Januari 2009, Encik Rajesh telah diisytiharkan muflis oleh mahkamah. Oleh itu, mereka bersetuju membubarkan perniagaan tersebut.

Kedudukan kewangan perkongsian mereka adalah seperti berikut:

Kunci Kira-kira pada 1 Januari 2009

	RM		RM
Kenderaan	36 000	Modal:	
Lengkapan	4 660	Ramlan	44 700
Stok	13 400	Danish	18 000
Penghutang	3 940	Ramesh	(4 360)
Bank	8 300	Pemiutang	7 960
	<u>66 300</u>		<u>66 300</u>

Perkara-perkara berikut dipersetujui semasa pembubaran:

- i) Kenderaan dan stok dan diambil alih oleh Ramlan dengan nilai RM39 520.
- ii) Lengkapan diambil oleh Danish dengan harga RM3 716.
- iii) Penghutang dapat dikutip sebanyak RM3 800 dan bakinya dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- iv) Belanja realisasi RM960.
- v) Baki pemiutang dijelaskan berjumlah RM7 564 dan terima diskaun.
- vi) Semua urusan penerimaan dan pembayaran melalui bank.

**Anda dikehendaki:**

- (a) menyediakan:
  - (i) Akaun Realisasi
  - (ii) Akaun Bank
  - (iii) Akaun Modal setiap pekongsi (beruangan)

[11 markah]

- (b) menyatakan tujuan Akaun Realisasi dibuka semasa pembubaran.

[1 markah]

- 4 Syarikat Elmar Berhad sebuah perniagaan hartanah yang beroperasi di bandar Kemaman telah ditubuhkan pada 1 Julai 2006. Kedudukan ekuiti syarikat pada 30 Jun 2008 adalah seperti berikut:

Modal berdaftar :

- 500 000 unit 8% Saham Keutamaan, RM2 sesaham
- 1 000 000 unit Saham Biasa, RM1.00 sesaham

Modal diterbitkan dan dibayar penuh:

- 400 000 unit 8% Saham Keutamaan, RM2 sesaham
- 700 000 unit Saham Biasa, RM1.00 sesaham

Pada 1 Januari 2008, syarikat telah membayar dividen kepada pemegang saham keutamaan dan saham biasa sebanyak 3%.

Diakhir tempoh perakaunan 30 Jun 2008, syarikat memperolehi untung bersih sebanyak RM195 000. Ahli lembaga pengarah syarikat telah memutuskan pembayaran dividen Saham Keutamaan dan pembayaran dividen 9% ke atas Saham Biasa.

**Anda dikehendaki:**

(a) menghitung:

- (i) Modal berbayar
- (ii) Modal belum diterbitkan
- (iii) Jumlah dividen interim
- (iv) Jumlah dividen akhir

[8 markah]

(b) menyatakan dua perbezaan antara Saham Keutamaan dan Saham Biasa.

[2 markah]

- 5 Fajar Alat tulis menjalankan perniagaan di Kampong Batu 6, Kuala Terengganu. Maklumat berikut diambil dari perniagaannya pada 31 Disember 2007:

	Debit RM	Kredit RM
Mesin fotostat (kos)	3 800	
Peruntukan susut nilai mesin fotostat		760

Pada 1 Julai 2008, perniagaan telah membeli sebuah mesin fotostat baru bernilai RM6 900 secara kredit daripada Eden Trading.

Diakhir tahun perakaunan 31 Disember 2008, perniagaan telah menjual mesin fotostat lama dengan harga RM2 000 secara tunai.

**Maklumat tambahan:**

Mesin fotostat disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- |     |  |                          |
|-----|--|--------------------------|
| (a) | Akaun Mesin Fotostat   | [2 $\frac{1}{2}$ markah] |
| (b) | Akaun Peruntukan Susut Nilai Mesin Fotostat                      | [3 $\frac{1}{2}$ markah] |
| (c) | Akaun Pelupusan Mesin Fotostat                                   | [2 $\frac{1}{2}$ markah] |
| (d) | Akaun Untung atau Rugi atas pelupusan mesin                      | [1 markah]               |
| (e) | Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 (petikan) | [1 markah]               |
| (f) | Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2008 (petikan)                  | [1 $\frac{1}{2}$ markah] |

- 6 Balqish Holding telah menerima Penyata Bank bagi bulan April 2009 yang menunjukkan baki yang berbeza dengan baki Buku Tunai. Buku Tunai dan Penyata Banknya untuk bulan April adalah seperti berikut:

**Buku Tunai ( Ruangan Bank sahaja )**

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No.cek	RM
2009			2009			
April 1	Baki b/b	6 720	April 6	Danial Trading	922573	760
7	Jualan	2 460	15	Qistina Enterprise	922574	634
10	Murni	4 530	19	Belian	922575	2 300
12	Sewa	890	22	Perniagaan Min	922576	700
16	Ramlah & Co.	500	26	Melor Sdn. Bhd.	922577	2 520
24	Kedai Lydia	660	30	Baki h/b		9 316
28	Syarikat Ho Bhd	470				
		16 230				16 230

**BANK MUAFAKAT MALAYSIA BHD.**

**PENYATA BANK**

Balqish Holding  
53 A Jalan Sultan Ismail  
21000 Kuala Terengganu

No. Akaun : 001470141101  
Tarikh : 30 April 2009

Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki
2009		RM	RM	RM
April 1	Baki			8 790
5	Cek No. 922572	820		7 970
9	Deposit		2 460	10 430
14	Deposit		980	11 410
18	Deposit		500	11 910
22	Cek No. 922576	700		11 210
23	Cek No. 922571	1 250		9 960
25	Cek No. 922574	634		9 326
26	Dividen Syarikat Tesdec Bhd.		650	9 976
27	Insurans – Royal Insurance Bhd	1 300		8 676
28	Cek No. 922577	2 520		6 156
30	Deposit		470	6 626
30	Buku Cek	50		6 576

**Maklumat Tambahan:**

- (i) Urusniaga yang berlaku pada 12 April 2009 dikenal pasti berlaku kesilapan catatan dalam Buku Tunai.
- (ii) Cek yang diterima pada 24 April 2009 dipulangkan oleh bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.

**Anda dikehendaki:**

- (a) mengemaskinikan Buku Tunai untuk bulan April 2009. [6 markah]
- (b) menyediakan Penyata Penyesuaian Bank untuk bulan yang sama. [6 markah]

**LAMPIRAN A**

---

---

**DOKUMEN PERNIAGAAN**

---

---

**ASAL****PERABOT AISYAH**No. 336 Jalan Sultan Ismail  
20200 Kuala Terengganu  
Tel.: 09-6237765

No.: 9132

**Kepada**Faiz Enterprise  
166 Jalan Ku Fatimah  
20400 Kuala Terengganu**INVOIS**

Tarikh: 2 September 2008

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
3 buah	Almari Serbaguna	700.00	2 100.00
1 set	Meja Tulis	500.00	500.00
			2 600.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			260.00
<b>Jumlah</b>			<b>2 340.00</b>

(Ringgit: Satu ribu tiga ratus lima sahaja)

Syarat: *Angkutan dibayar*  
K. & K. DiK.*Faiz*  
Penerima*Aisyah*  
Pengurus**DOKUMEN 1****ASAL****BIHA ENTERPRISE**No. 44 Kampung Nibong Satu  
23000 Dungun  
Terengganu  
Tel.: 09-8447566

No.: A0802

**Kepada**Faiz Enterprise  
166 Jalan Ku Fatimah  
20400 Kuala Terengganu**INVOIS**

Tarikh: 3 September 2008

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
10 peti	Swiss Roll	60.00	600.00
10 peti	Kek Apollo Pandan	60.00	600.00
20 peti	Wafer Etalli	70.00	1 400.00
10 peti	Cloud 9	90.00	900.00
5 peti	Apollo Wafret	90.00	450.00
8 peti	Home Peanut	110.00	880.00
			4 830.00
Tolak : Diskaun niaga 10%			483.00
<b>Jumlah</b>			<b>4 347.00</b>

(Ringgit: Empat ribu tiga ratus empat puluh tujuh sahaja)

Syarat: 10 % 5 hari, 5% 10 hari  
*Angkutan dibayar*  
K. & K. DiK.*Faiz*  
Penerima*Nabihah*  
Pengurus**DOKUMEN 2**

9

**FAIZ ENTERPRISE**

166 Jalan Ku Fatimah  
20400 Kuala Terengganu  
Tel.: 09-6224421

Tarikh: 7 September 2008

**MEMO****Peringatan:**

*Pemilik telah membawa masuk sebuah van peribadi bernilai  
RM25 000 untuk kegunaan perniagaan.*

*Faiz*  
Pengurus

**DOKUMEN 3****SALINAN****FAIZ ENTERPRISE**

BT: 0001

166 Jalan Ku Fatimah  
20400 Kuala Terengganu  
Tel.: 09-6224421

Kepada  
Julia Mini Market  
52 Taman Puteri  
21200 Manir  
Kuala Terengganu

**BIL TUNAI**

Tarikh: 8 September 2008

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
3 peti	Swiss Roll	80.00	240.00
2 peti	Kek Apollo Pandan	80.00	160.00
2 peti	Wafer Etalli	90.00	180.00
1 peti	Cloud 9	110.00	110.00
2 peti	Apollo Wafret	110.00	220.00
			910.00

(Ringgit: Sembilan ratus sepuluh sahaja)

RM910.00

Tunai/No. Cek:

*Faiz*  
Pengurus

**DOKUMEN 4**

<b>Tarikh</b>	: 10 September 2008
<b>Penerima</b>	: Perabot Aisyah
<b>Kerana</b>	: Bayaran invoice 9132

  

	Ringgit	Sen
<b>Baki akhir</b>	19 500	00
<b>Dimasukkan</b>	-	-
<b>Jumlah</b>	19 500	00
<b>Cek ini</b>	2 340	00
<b>Baki</b>	17 160	00

**No.: 200801**

KERATAN CEK

## DOKUMEN 5

<b>SALINAN</b>	<b>FAIZ ENTERPRISE</b>	No.: 0001	
	166 Jalan Ku Fatimah 20400 Kuala Terengganu Tel.: 09-6224421		
Kepada Koperasi Darul Iman 49 Taman Universiti 21300 Gong Badak Kuala Terengganu	<b>INVOIS</b>	Tarikh: 15 September 2008	
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
5 peti	Kek Apollo Pandan	80.00	400.00
4 peti	Wafer Etalli	100.00	400.00
4 peti	Cloud 9	110.00	440.00
3 peti	Apollo Wafret	120.00	360.00
			1 600.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			160.00
<b>Jumlah</b>			<b>1 440.00</b>

(Ringgit: Satu ribu empat ratus empat puluh sahaja)

Syarat: 5 % 5 hari, 2 % 10 hari  
Angkutan dibayar  
K. & K. DiK.

Abdullah  
Penerima

Faiz  
Pengurus

## DOKUMEN 6

<b>ASAL</b>	<b>BIHA ENTERPRISE</b> No. 44 Kampung Nibong Satu 23000 Dungun Terengganu Tel.: 09-8447566	NK: 0286	
Kepada Faiz Enterprise 166 Jalan Ku Fatimah 20400 Kuala Terengganu	<b>NOTA KREDIT</b>		
		Tarikh: 17 September 2008	
<b>Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:</b>			
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
5 peti	Wafer Etalli	70.00	350.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			35.00
<b>Jumlah</b>			<b>315.00</b>
(Barang dipulangkan kerana rosak) (Ringgit: Tiga ratus lima belas sahaja)			
Syarat: 10 % 5 hari, 5 % 10 hari Angkutan dibayar K. & K. DiK.		<i>Nabihah</i> Pengurus	

## DOKUMEN 7

<b>SALINAN</b>	<b>FAIZ ENTERPRISE</b> 166 Jalan Ku Fatimah 20400 Kuala Terengganu Tel.: 09-6224421	No.: 0001	
Kepada Koperasi Darul Iman 49 Taman Universiti 21300 Gong Badak Kuala Terengganu	<b>NOTA DEBIT</b>		
		Tarikh: 19 September 2008	
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
4 peti	Wafer Etalli (Tertinggal catat dalam invois no. 0001)	100.00	400.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			40.00
<b>Jumlah</b>			<b>360.00</b>
(Ringgit: Tiga ratus enam puluh sahaja)			
Syarat: 5 % 5 hari, 2 % 10 hari Angkutan dibayar K. & K. DiK.		<i>Abdullah</i> Penerima <i>Faiz</i> Pengurus	

## DOKUMEN 8

ASAL

**BIHA ENTERPRISE**

No. 44 Kampung Nibong Satu  
23000 Dungun  
Terengganu  
Tel.: 09-8447566

No.: 0856

Tarikh: 21 Disember 2008

**RESIT RASMI**

Terima daripada : Faiz Enterprise

Ringgit : Dua ribu lima ratus sahaja.

Bayaran untuk : Menjelaskan sebahagian daripada hutang.

RM 2 500.00/=	
Tunai /No. Cek:	BKMB 200802

*Nabihah*  
Pengurus

**DOKUMEN 9**

SALINAN

**FAIZ ENTERPRISE**

166 Jalan Ku Fatimah  
20400 Kuala Terengganu  
Tel.: 09-6224421

No.: 0001/08

Tarikh: 24 September 2008

**RESIT RASMI**

Terima daripada : Koperasi Darul Iman

Ringgit : Satu ribu tujuh ratus enam puluh empat sahaja.

Bayaran untuk : Menjelaskan semua hutang dan beri diskaun tunai RM36.00

RM1 764/=	
Tunai /No. Cek:	CBMB 242007

*Faiz*  
Pengurus

**DOKUMEN 10**

<b>ASAL</b>	<b>PEMBORONG SATU</b> No. 46 Jalan Kejora 1 21300 Kuala Terengganu Tel.: 09-6225523	BT: 0441	
Kepada Faiz Enterprise 166 Jalan Ku Fatimah 20400 Kuala Terengganu		<div style="border: 2px solid black; padding: 5px; display: inline-block;"><b>BIL TUNAI</b></div>	
		Tarikh: 27 September 2008	
<b>Kuantiti</b>	<b>Perkara</b>	<b>Harga Seunit</b> (RM)	<b>Jumlah</b> (RM)
5 peti	Apollo Wafret	86.00	430.00
<b>Jumlah</b>			<b>430.00</b>
<b>(Ringgit: Empat ratus tiga puluh sahaja sahaja)</b>			
RM430.00		<i>Hannah</i>	
Tunai/No. Cek:		Pengurus	

**DOKUMEN 11**

<b>FAIZ</b> <b>ENTERPRISE</b> 166 Jalan Ku Fatimah 20400 Kuala Terengganu Tel.: 09-6224421	No.: 001/08		
Kepada Mahameru Hartanah No 91 Jalan Kenanga 20400 Kuala Terengganu			
<div style="border: 2px solid black; padding: 5px; display: inline-block;"><b>BAUCER</b> <b>PEMBAYARAN</b></div>			
Tarikh: 29 September 2008			
	<b>Keterangan</b>	<b>No. Cek</b>	<b>Jumlah</b> (RM)
	Sewa bulan September	200803	500.00
<b>Jumlah</b>			<b>500.00</b>
<b>(Ringgit: Lima ratus sahaja)</b>			
Diluluskan oleh: <i>Faiz</i> Pengurus			

**DOKUMEN 12**

BORANG MASUK / PAY-IN SLIP				BANK KOPERATIF MALAYSIA BERHAD															
SALINAN				TARIKH: 30 September 2008															
BUKAN TUNAI	BANK PEMBAYAR	NO. CEK	TEMPAT	SEBANYAK	KOMISEN	RM						SEN							
<input type="checkbox"/> CEK SENDIRI																			
<input type="checkbox"/> CEK TEMPATAN																			
<input type="checkbox"/> CEK LUAR																			
<input type="checkbox"/> LAIN SILA TANDA (/) DI RUANG BERKENAAN	<b>JUMLAH BERSIH</b>																		
<input type="checkbox"/> WANG TUNAI	<b>RINGGIT: LIMA RATUS SAHAJA</b>														5	0	0	0	0
NO. AKAUN	0	1	1	3	1	0	5	8	9	1	1	8	NAMA: FAIZ ENTERPRISE						
14207 30 September 2008 CH 17224 011310589118 ***** 500.00 FAIZ ENTERPRISE																			

DOKUMEN 13

KERTAS SOALAN TAMAT